



**SKSM**Excellent

# BUKU PENGURUSAN SEKOLAH

# 2017

SK SERI MANJUNG,  
PERAK DARUL RIDZUAN

PENTADBIRAN | KURIKULUM | HEM | KOKURIKULUM



TEL: 05-688 1014 | FAK: 05-688 9855  
ABA1028@moe.edu.my  
SYNC: <http://edu.sync.my/ABA1028>

<http://www.skserimanjung.edu.my>



## ISI KANDUNGAN

Lencana Sekolah.....	
Bendera Sekolah.....	
Lagu Sekolah.....	
Budaya Kerja, Objektif, Misi & Visi.....	
Carta Organisasi Sekolah.....	
Staf SK Seri Manjung.....	
Jawatankuasa Buku Pengurusan.....	
Penggal Persekolahan.....	
Hari Kelepasan AMPersekutuan.....	
Program Tahunan.....	
Penyelaras Panitia Mata Pelajaran.....	
Falsafah Pendidikan Negara.....	
Jawatankuasa Kurikulum Sekolah.....	
Pengurusan Stok.....	
Guru-guru Kelas.....	
Jawatankuasa Pengurusan Maklumat Sekolah.....	
Tugas Khas.....	
Jadual Tugas Mingguan Guru-Guru.....	
Carta Organisasi Hal Ehwal Murid (HEM).....	
Struktur Pentadbiran & Pengurusan Hal Ehwal Murid (HEM).....	
Rancangan Hal Ehwal Murid (HEM).....	
Pelan Keselamatan & Laluan Kecemasan.....	
Struktur Pentadbiran & Pengurusan Kokurikulum.....	
Senarai Nama Penyelaras & Ketua Unit Kokurikulum.....	
Senarai Nama Guru Pemimpin Permainan.....	
Senarai Nama Guru Pemimpin Unit Beruniform.....	
Senarai Nama Guru Pemimpin Kelab & Persatuan .....	
Jadual Aktiviti Kokurikulum.....	



## KETERANGAN PERIBADI

Nama Guru : .....

Alamat Sekolah : **SK Seri Majung,**  
**32040 Seri Manjung, Perak**

No Tel/Fax Sekolah : **05-6881014 / 05-6889855**

Alamat Rumah : .....

No Telefon : .....

No Kad Pengenalan : .....

Tarikh Lahir : .....

Nama Bank Gaji : .....

No Pendaftaran kereta/motosikal : .....

Nama Skim Perkhidmatan Sekarang : .....

Tarikh mula berkhidmat : .....

Tarikh mula berkhidmat di sekolah ini : .....

Tarikh disahkan dalam jawatan : .....

Tarikh dimasukkan ke dalam perkhidmatan sekarang : .....

Bulan Naik gaji : ..... No Gaji : .....

Taraf Jawatan : ..... Gred jawatan : .....

No Fail JPNJ : .....

No Cukai Pendapatan : .....

Kumpulan darah : .....

Waris Terdekat: ..... Hubungan:.....

No.Tel Waris Sekiranya Berlaku Kecemasan:.....

Alamat Waris: .....

.....



## PROFIL SEKOLAH

KOD SEKOLAH	ABA1028
NAMA SEKOLAH	SK SERI MANJUNG
ALAMAT	32040 Seri Manjung, Perak.
PPD	PPD Manjung
SESI	Pagi dan Petang
LOKASI	Bandar
GRED	A
JUMLAH KELAS	59
BIL. MURID	1768
BIL. GURU	114
BIL. BUKAN GURU	13
GURU BESAR	Hajah Nurainiah bt Nuruddin
PK PENTADBIRAN	Rosnani binti Ishak
PK HAL EHWAL MURID	Rashida bt Ismail
PK KOKURIKULUM	Mohd Hairul Anuar b Hashim
PK PETANG	Mohamad Rashid b Adalan
TEL. / FAX	05-6881014 / 05-6889855
E-MEL	<a href="mailto:aba1028@moe.edu.my">aba1028@moe.edu.my</a>

## LENCANA SEKOLAH



## **PENERANGAN MENGENAI LENCANA SEKOLAH**

### **WARNA**

- KUNING - Kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Sultan
- MERAH - Bersemangat berani menghadapi rintangan dan cabaran
- BIRU - Kehidupan yang harmoni dan perpaduan
- PUTIH - Kesucian dan kebersihan serta bernilai murni

### **LAMBANG**

- TANGAN - Guru memberi ilmu dan murid menerima
- MATA PENA - Ketrampilan dan kreativiti
- BUKU - Khazanah ilmu kesejahteraan hidup
- BULAT - Permuafakatan untuk bekerjasama dalam tugas dan tanggungjawab



### BENDERA SEKOLAH

Warna KUNING melambangkan keprihatinan sekolah terhadap warganya dalam era mencapai matlamat Wawasan Pendidikan dan Wawasan 2020 serta merealisasikan Perak Gemilang.

Warna BIRU melambangkan semangat perpaduan, sehati dan sejiwa diri warga sekolah bagi membuktikan kejayaan dapat dicapai dengan kekuatan serta keyakinan diri.

LENCANA di tengah-tengah bendera melambangkan setiap warga sekolah berjanji akan memberikan yang terbaik kepada pelanggannya.

### LAGU SEKOLAH

**MAJU KITA BERSAMA-SAMA  
SEHATI DAN SEJIWA  
BELAJAR BERUSAHA HINGGA BERJAYA  
AMALAN SIFAT MULIA**

**SK SERI MANJUNG BERJASA  
USAHA MAJU JAYA  
TUNAIKAN BUKTIKAN  
KAMI PUTERA PUTERI YANG MULIA**

**MARI KITA BERSAMA-SAMA  
MELANGKAH TERUS MARA  
BERJANJI BERSUMPAH SETIA KITA  
MEMBELA NEGARA DAN BANGSA**

## BUDAYA KERJA SEKOLAH KEBANGSAAN SERI MANJUNG

1. Berpegang kepada kerja sebagai IBADAH
2. Memahami dan menghayati
  - Falsafah Pendidikan Kebangsaan
  - Falsafah, matlamat dan misi sekolah
3. Memelihara dan mempertingkatkan imej sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia pada setiap masa
4. Mempertingkatkan mutu dan kesan pendidikan
5. Menentukan objektif setiap masa
6. Mengamalkan bekerja sebagai satu pasukan dan menghayati konsep syura dalam semua tindakan
7. Mengamalkan perkhidmatan penyayang
8. Mengamalkan etika kerja dan memupuk nilai-nilai murni dalam etika kerja
9. Sentiasa memimpin dan memuhasabah diri
10. Berusaha mempertingkatkan ilmu dan kemahiran.



## OBJEKTIF SEKOLAH

Untuk melahirkan kumpulan murid agar menjadi ahli masyarakat yang menepati kehendak wawasan Negara iaitu murid yang

- 'Tangkas, Cerdas, Ceria'
- Mahir dalam kemahiran asas
- Berpengetahuan tinggi
- Menguasai serta menyumbang dalam kemajuan sains dan teknologi
- Berdisiplin serta berakhlak mulia
- Cekal, sentiasa berusaha untuk meraih kecemerlangan
- Berpegang teguh kepada "Rukun Negara".

**MISI**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Melestarikan Sistem Pendidikan Yang  
Berkualiti Untuk Membangunkan Potensi  
Bagi Memenuhi Aspirasi negara**



**VISI**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Pendidikan Berkualiti  
Insan Terdidik  
Negara Sejahtera**





## **DASAR DAN PERATURAN**

### **KOMITMEN GURU**

Antara komitmen guru yang perlu diberikan perhatian ialah :

1. Panduan Perkhidmatan Cemerlang dan Tatasusila Profesion Perguruan hendaklah sentiasa menjadi panduan dan amalan semua guru
2. Membaca dan memahami falsafah, matlamat dan objektif sekolah serta sentiasa berusaha untuk mencapai objektif tersebut
3. Guru adalah satu profesion dan berusahalah menjaga imejnya.
4. Melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan,kejujuran dan bertanggungjawab.
5. Anggaphlah murid-murid yang diajar dan dididik sebagai ANAK SENDIRI dan AMANAH yang masa depan mereka dipertanggungjawabkan kepada guru.
6. Sentiasa menunjukkan dan mengamalkan imej kepimpinan dinamis dan kecekapan menjalankan tugas.
7. Elakkan perilaku yang dianggap bertentangan dengan tatasusila profesion perguruan seperti ponteng tugas, pecah amanah, penyelewengan, cuai dan sebagainya.
8. Berusaha meningkatkan prestasi dan nama baik sekolah dengan sedia bekerjasama dengan semua anggota masyarakat sekolah dan luar sekolah.
- 9.

### **SURAT-SURAT PEKELILING / ARAHAN**

1. Guru mesti merujuk, membaca, memahami dan melaksanakan arahan-arahan pekeling Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan PPD.
2. Surat arahan / salinannya yang diberikan kepada guru hendaklah dibaca, difahami dan diambil tindakan sewajarnya.Urusan surat menyurat rasmi sekolah hendaklah menggunakan sistem fail surat menyurat sekolah.
3. Apabila diarah melaksanakan sesuatu tugas, guru hendaklah melaksanakan sendiri tugas tersebut. Guru yang terlibat tidak dibenarkan mengarahkan orang lain melaksanakan tugas tersebut bagi pihak dirinya.
4. Jika sesuatu tugas terpaksa diserahkan kepada orang lain atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan dipersetujui oleh pihak yang menggantikannya, GB / wakilnya hendaklah diberitahu secara bertulis.
5. Guru bertanggungjawab melaksanakan sendiri tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh GB seperti memungut wang, memegang kunci khas dan sebagainya.
6. Guru bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan oleh GB dengan betul, sempurna, mengikut peraturan dan menepati waktu.

### **WAKTU HADIR BERTUGAS**

1. Guru bertanggungjawab hadir dan bersedia memulakan PdP di sekolah pada jam 7.20 pagi.
2. Guru bertanggungjawab merakam waktu kehadiran guru semasa datang dan semasa balik.



3. Guru bertugas perlu hadir selewatnya 7.10 pagi untuk menguruskan aktiviti 'Sekolah Penyayang' dan urusan perhimpunan awal pagi atau apa-apa program dan aktiviti pagi yang telah diputuskan di peringkat sekolah.

### PAKAIAN DAN PERSONALITI

1. Guru hendaklah memakai pakaian yang kemas mengikut peraturan yang ditetapkan (Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/850) serta melambangkan disiplin dan imej profesion perguruan.
2. Tanda nama hendaklah sentiasa dipakai semasa bertugas disekolah, majlis rasmi sekolah dan tugas rasmi di luar sekolah.
3. Memakai pakaian sukan atau baju-T semasa mengajar PJK.
4. Guru lelaki digalakkan memakai tali leher sepanjang dalam tugas rasmi kecuali dalam keadaan tertentu seperti pengajaran PJK dan di bengkel.
5. Pakaian dan personaliti guru termasuk rambut hendaklah sentiasa keadaan kemas supaya menjadi contoh yang baik kepada murid.
6. Pada hari Jumaat, guru lelaki Islam digalakkan memakai pakaian kebangsaan lengkap.

### URUSAN PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN

1. Guru bertanggungjawab mengemaskinikan maklumat-maklumat perkhidmatan dan perjawatan dengan Pembantu Tadbir (Perkhidmatan Dan Penjawatan ) yang meliputi aspek pelantikan, kursus induksi, pengesahan jawatan pergerakan gaji, rekod cuti dan sebagainya.
2. Guru bertanggungjawab mengemaskinikan maklumat-maklumat perkhidmatan dan perjawatan dalam Sistem Pengurusan Sekolah dan lain-lain e-sistem.

### KELUAR SEKOLAH DALAM WAKTU BERTUGAS

1. Guru tidak dibenarkan keluar dari kawasan sekolah dalam masa bertugas kecuali atas sebab-sebab perlu seperti arahan daripada PPD / JPN atau hal-hal peribadi yang tidak dapat dielakkan.
2. Guru yang perlu keluar dalam masa bertugas hendaklah memaklumkan sendiri kepada GB/wakilnya untuk mendapatkan kebenaran.
3. Setelah mendapat kebenaran, guru perlu mengisi maklumat dalam Borang Pemohonan Keluar Dalam Waktu Bertugas untuk pengesahan dan rekod GB / wakilnya. Surat sokongan seperti surat panggilan mesyuarat mestilah disertakan (jika ada).

### URUSAN CUTI DAN TIDAK HADIR BERTUGAS

1. Guru mesti merujuk, membaca, memahami dan mematuhi arahan-arahan / pekeliling-pekeliiling berkaitan kebenaran berbagai jenis cuti dan tidak hadir bertugas.
2. Dalam keadaan biasa, guru layak mengambil cuti rehat 7 hari dengan syarat pemohonan cuti itu mestilah dipohon terlebih awal dengan mengemukakan borang pemohonan cuti rehat dan mendapat kebenaran GB/wakilnya.
3. Guru yang sakit, perlu mendapat rawatan di hospital / klinik dan menyerahkan sijil sakit yang sah dari klinik / hospital kerajaan / swasta kepada GB / wakilnya sebaik sahaja masuk bertugas .



4. Jika tidak dapat hadir bertugas atas sebab-sebab **kecemasan**, guru mesti menghubungi sendiri GB dan PK Pentadbiran (urusan jadual ganti) melalui telefon dengan segera antara 7.00 pagi hingga 7.15 pagi.
5. Guru yang mendapat cuti tanpa rekod, perlu mengemukakan surat kebenaran cuti tanpa rekod dari pihak yang memberikan cuti itu untuk pengesahan GB / wakilnya dan mengemukakan borang cuti tanpa rekod yang telah dilengkapkan. Maklumat cuti tersebut perlu dihantar ke bahagian BRP, PPD.
6. Bagi guru wanita yang akan cuti bersalin, perlu mengemukakan Borang Cuti Bersalin yang kemaskini bagi tujuan rekod dan rujukan perkhidmatan.

Nota : Guru wanita yang akan cuti bersalin dikehendaki :

- Menyediakan bahan-bahan pembelajaran seperti kertas-kertas nota / latihan / latih tubi untuk diberikan kepada murid dalam tempoh cuti bersalin. Bahan yang telah disediakan hendaklah diserahkan kepada GPK untuk tindakan.
- Memberitahu GB / setiausaha peperiksaan dalaman jika cuti bersalin bertindih dengan waktu peperiksaan supaya urusan peperiksaan seperti kertas soalan, skema jawapan dan sebagainya dapat diuruskan.
- Memberitahu GB / wakilnya tentang Guru Pengganti jika menjadi Guru Kelas.  
[ Maklumat lanjut tentang cuti, sila rujuk Pekeliling ]

#### **PENGUNAAN HARTA BENDA SEKOLAH**

1. Guru bertanggungjawab menjaga alatan atau harta benda sekolah dan menggunakannya dengan betul mengikut peraturan-peraturan semasa menggunakannya di sekolah.
2. Penggunaan / pinjaman alatan / harta benda sekolah hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran guru penjaganya dan pinjaman / penggunaan / pulangan hendaklah direkodkan.
3. Alatan / harta benda sekolah yang dipinjam / diguna hendaklah dipulangkan dengan segera.
4. Guru mesti memaklum dan mengganti / membaiki kerosakan alatan / harta benda sekolah yang dipinjam / digunakan.
5. Guru tidak dibenarkan membawa balik ke rumah alatan / harta benda sekolah untuk kegunaan peribadi.
6. Kunci bilik darjah dan bilik khas hendaklah sentiasa dipulangkan ke pejabat dan disimpan dalam peti kunci. Sila catat pengambilan dan penghantaran kunci.

#### **MENGHADIRI TAKLIMAT DAN MESYUARAT**

1. Guru wajib menghadiri taklimat / mesyuarat yang diadakan oleh PGB / wakilnya / jawatan kuasa-jawatan kuasa diperingkat sekolah.
2. Jika tidak dapat menghadiri taklimat / mesyuarat atas sebab tertentu, guru perlu memberitahu GB dengan mengemukakan alasan bertulis.
3. Semua mesyuarat diperingkat sekolah hendaklah dijalankan secara profesional dan teratur.



## **ORANG LUAR BERJUMPA GURU/STAF**

1. Orang luar termasuk jurujual tidak dibenarkan berjumpa guru, staf dan murid tanpa mendapat kebenaran GB.
2. Guru hendaklah mengarahkan orang luar yang hendak berjumpa guru atau murid mendapat kebenaran GB terlebih dahulu jika kebenaran belum diperolehi.
3. Orang luar termasuk ibu bapa atau penjaga dilarang berjumpa guru atau murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
4. Menandatangani rekod pelawat dan memakai tag pelawat yang disediakan dipondok pengawal keselamatan.

## **REKOD PERSEDIAAN MENGAJAR**

1. Rekod Persediaan Mengajar adalah penting berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab guru di sekolah.
2. Maklumat-maklumat dalam Buku Rekod Mengajar hendaklah dikemaskinikan dari semasa ke semasa yang meliputi :
  - Butiran diri
  - Jadual waktu persendirian / kelas
  - Sukatan pelajaran dan Rancangan harian.
  - Senarai nama murid
  - Keputusan ujian / peperiksaan / GPMP / Band
  - Sasaran Kerja Tahunan (SKT)
  - Rekod perbincangan/tarikh pencerapan/tt pencerap@ pemantau dll
3. Rekod Persediaan Mengajar mesti dihantar ke pejabat sekolah untuk penyeliaan GB / wakilnya pada setiap hari Jumaat selewatnya pada 5.00 petang. Rekod Persediaan Mengajar wajib diserahkan kepada GB / wakilnya pada hari terakhir persekolahan untuk tujuan rekod, simpanan dan pamantauan.
4. Rekod Persediaan Mengajar akan digunakan untuk tujuan rekod dan pencerapan pengajaran-pemudahcaraan di bilik darjah.

## **PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN**

1. Guru hendaklah merujuk, membaca, memahami dan melaksanakan arahan-arahan Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan PPD berkaitan jadual waktu.
2. Guru yang mengajar mesti berada di kelas atau di tempat mengajar seperti makmal sains mengikut jadual waktu yang ditetapkan.
3. Guru tidak dibenarkan membuat kerja-kerja lain seperti menaip soalan peperiksaan, membaca akhbar, bermain gajet dan sebagainya dalam masa pengajaran dan pemudahcaraan.
4. Guru tidak boleh meninggalkan kelas dan murid kecuali atas sebab-sebab tertentu seperti dipanggil oleh GB.
5. Guru bertanggungjawab memastikan dan mendapatkan maklumat kehadiran semua murid sebelum memulakan pengajaran dan pemudahcaraan di kelas.
6. Guru bertanggungjawab memastikan murid tidak keluar dari kelas semasa pengajaran dan pemudahcaraandijalankan kecuali atas sebab-sebab yang penting.



7. Keselamatan murid dalam waktu pengajaran dan pemudahcaraan adalah tanggungjawab guru.
8. Guru mesti sentiasa ingat bahawa waktu luang (free period) adalah masa bekerja dan perlu digunakan dengan cara yang betul seperti memeriksa buku latihan murid.
9. Pengajaran dan pemudahcaraan berkesan seperti kelas dan pdpc abad 21 hendaklah dilaksanakan oleh guru untuk mengoptimumkan kecemerlangan murid.
10. Menyediakan kemudahan pengajaran dan pemudahcaraan yang cukup dan berkualiti selaras dengan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi ( TMK ) atau (ICT)
11. Menekankan kemahiran mengaplikasi ICT bagi menghasilkan murid yang berkemahiran dalam ICT . Oleh itu penggunaan peralatan ICT menjadi keutamaan di dalam menyokong pengajaran dan pemudahcaraan di dalam bilik darjah .
12. Pembelajaran berasaskan e-learning dengan menggunakan teknologi multimedia interaktif dan pembelajaran berasaskan laman web seperti Frog VLE .
13. Memperluaskan program peningkatan penguasaan Bahasa Melayu , Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.
14. Memastikan penguasaan 'basic fact and information' dalam setiap topik dikuasai oleh murid dengan menggunakan teknik-teknik mengingat yang kreatif supaya tidak membebankan dan membosankan murid untuk belajar sebelum beredar ke topik selanjutnya .
15. Meningkatkan penguasaan dan penekanan kepada kemahiran generik ,kemahiran berfikir kritis dan kreatif agar murid menguasai kemahiran Berfikir Tinggi ( KBAT ) semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan.
16. Menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah, strategi dan teknik di dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan bagi meningkatkan ketrampilan guru dan seterusnya ketrampilan murid dan pada masa yang sama meningkatkan prestasi pencapaian peperiksaan awam . Hal ini adalah kerana pengajaran yang berkualiti akan menghasilkan pembelajaran yang berkualiti .
17. Penggunaan kumpulan pembelajaran koperatif, 'cooperative learning structures' dan 'workshops' mestilah diperluaskan dalam kalangan guru dan murid dengan itu kerjasama antara murid dan guru dapat dipertingkat seterusnya tanggungjawab untuk belajar dapat dipindahkan kepada murid.
18. 'Selected Study Skills' perlu dikenal pasti dan murid digalakkan untuk menggunakannya bagi memudahkan proses pembelajaran.
19. Keberkesanan proses pengajaran dan pemudahcaraan mestilah boleh dinilai oleh guru mata pelajaran , murid dan barisan pentadbir di akhir sesuatu sesi pengajaran dan pemudahcaraan berdasarkan 12 item standard 4 SKPM.
20. Proses pengajaran dan pemudahcaraan yang berkesan mestilah menggabungkan 'content skill , language skill, ICT skill & pedagogi skill' . Oleh itu setiap guru mestilah



berusaha meningkatkan keterampilan diri dengan meningkatkan kemahiran-kemahiran di atas secara berterusan.

21. Guru mata matapelajaran dan, Ketua Panitia mestilah sentiasa memantau prestasi pencapaian mata pelajaran setiap murid seperti yang telah ditetapkan oleh sekolah dan berusaha membuat tindakan susulan untuk mencapai sasaran. Oleh itu pengurusan 'Headcount Mata pelajaran' mestilah menjadi amalan dan kelaziman bagi setiap orang guru .
22. Pengajaran dan pemudahcaraan menggunakan stesen-stesen pengajaran dan pemudahcaraandi luar bilik darjah digalakkan dan akan dikembangkan secara berterusan terutama Tahun 1, 2 dan 3 menggunakan PBS agar PdPc lebih menarik dan berkesan.
23. Proses pengajaran dan pemudahcaraandi dalam kelas juga mesti memantapkan budaya membaca, belajar cara belajar, penggunaan pelbagai sumber pendidikan dan penerapan budaya cintakan ilmu .
24. Guru juga mestilah mendedahkan murid-murid dengan soalan mencapah ataupun HOTS – Higher Order Thinking Skills Questions atau KBAT.
25. Ketua-Ketua Panitia/ Penyelaras mestilah menetapkan Dasar Penggunaan Bilik-Bilik Khas supaya selaras dengan Dasar 3K dan penggunaan untuk proses pengajaran dan pemudahcaraandi optimumkan .

#### **JADUAL GURU GANTI ( RELIEF )**

1. Guru dikehendaki mematuhi jadual ganti dan berada di kelas sebagaimana diarahkan GB / wakilnya.
2. Jadual ganti dianggap sebagai waktu kerja / mengajar dan menjalankan proses PdPc jika bertugas di kelas yang guru berkenaan mengajar sesuatu mata pelajaran.
3. Jika diarah mengajar di sesuatu kelas bagi menggantikan guru cuti bersalin, guru berkenaan hendaklah mematuhi arahan tersebut. Proses PdPc hendaklah direkodkan dalam Buku Rekod Mengajar.

#### **PENCERAPAN PENGAJARAN DAN PENYELIAAN BUKU MURID**

1. Guru hendaklah merujuk, membaca, memahami dan melaksanakan arahan Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan PPD berkaitan dengan pencerapan P&P dan penyeliaan buku murid.
2. Pencerapan dan penyeliaan dilaksanakan oleh PGB, Penolong Kanan, Penolong Kanan HEM dan Penolong Kanan Kokurikulum.
3. Pencerapan PdP akan dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pencerapan spontan boleh dilakukan oleh Guru Besar sahaja atau individu yang telah diberi kuasa oleh GB/PPD/JPN/KPM.
4. Penyeliaan buku latihan/ buku kerja murid dibuat secara berjadual. Guru diminta menyerahkan buku murid pada masa ditetapkan kepada penyemak seperti dalam jadual semakan buku latihan murid.



## **PENDAFTARAN KEMASUKAN / PERTUKARAN MURID**

### Pendaftaran Kemasukan.

HEM/ Guru kelas bertanggungjawab:

1. Merekodkan kemasukan dan semua butiran murid dalam Buku Pendaftaran Sekolah dan Register kelas.
2. Menyemak semua dokumen murid dan maklumat yuran disertakan dari sekolah asal. Kemukakan surat kepada GB sekolah asal melalui GB sekolah jika dokumen dan maklumat yuran tidak disertakan / tidak lengkap.
3. Guru kelas / SU Peperiksaan perlu memastikan maklumat peperiksaan jika murid berada di Tahun 6. Maklumkan kepada Setiausaha Peperiksaan untuk tindakan selanjutnya.

### Pendaftaran Pertukaran

1. HEM/Guru kelas bertanggungjawab memastikan bahawa:
  - Pengesahan pertukaran hanya diterima atas permintaan ibu bapa / penjaga yang datang sendiri membuat permohonan ke sekolah.
  - Guru kelas hendaklah menyediakan dokumen pertukaran, dokumen-dokumen murid, maklumat bayaran yuran dan maklumat peperiksaan .
  - Guru kelas hendaklah memaklumkan perihal pertukaran murid kepada setiausaha peperiksaan dan guru SPBT bagi diambil tindak ikut selanjutnya jika terdapat perkara-perkara yang belum selesai.
  - Semua salinan dokumen hendaklah disahkan oleh GB/wakilnya dan dicap "untuk kegunaan sekolah" dipenjuru atas sebelah kanan.
2. Melaksanakan arahan GB / wakilnya dari semasa ke semasa ber-hubung kemasukan pertukaran murid.

## **BILIK DARJAH / KELAS**

1. Sebelum memulakan pengajaran, guru bertanggungjawab menentukan dahulu bilik darjah bersih dan ceria dengan kerusi meja murid tersusun rapi.
2. Guru waktu pertama bertanggungjawab memastikan program membaca 10 minit atau lain-lain program yang dipersetujui mulai 7.25 – 7.35 pagi berjalan dengan lancar.
3. Guru waktu terakhir bertanggungjawab memastikan pintu bilik darjah ditutup selepas tamat waktu persekolahan.
- 4.

## **PUNGUTAN YURAN PERSATUAN / KELAB / BADAN BERUNIFORM / KELAS**

1. Perlu ada permohonan untuk mengutip yuran daripada pendaftar.
2. Perlu ada surat penurunan kuasa untuk memungut yuran.
3. Semua pungutan hendaklah direkodkan dalam akaun kewangan unit. Perlu diselia oleh PK Kokurikulum.
4. Guru penasihat / unit hendaklah sentiasa menyemak dan mengesahkan maklumat kewangan unit berkenaan.
5. Wang pungutan daripada ahli unit hendaklah disimpan oleh guru dan tidak boleh disimpan oleh murid.



## BUKU TEKS DAN SEMAKAN BUKU KERJA , BUKU REKOD AMALI & BUKU LATIHAN

1. Buku teks hendaklah sentiasa digunakan oleh guru dan murid bagi mendedahkan konsep-konsep. Maklumat dan pengetahuan asas di dalam topik-topik hendaklah ditegaskan kepada murid .
2. Buku Kerja dibenarkan penggunaannya dengan syarat TIDAK MENGGANTIKAN BUKU TEKS dan mematuhi SPI Bil 10 /1991 bertarikh 02 oktober 1991.
3. Buku Rekod Amali jika ada mestilah digunakan dalam pengajaran dan pemudahcaraan sains selaras dengan SPI Bil 7/1989 bertarikh 31 Mei 1989 . Buku Rekod Amali ini mengandungi halaman yang bergaris dan halaman yang kosong yang digunakan untuk merekod sebarang data, maklumat, pemerhatian, kesimpulan apabila murid menjalankan kajian atau eksperimen . Halaman yang kosong boleh digunakan untuk melukis gambarajah , graf dan sebagainya . Penggunaan buku ini dapat memperkembang kemahiran saintifik dan kemahiran komunikasi dalam bentuk penulisan .
4. Guru mestilah memberikan latihan-latihan bertulis secara topikal di dalam kelas ataupun sebagai kerja rumah untuk tujuan pengukuhan PdPc dalam bilik darjah .
5. Guru mata pelajaran mestilah memastikan murid-murid membuat latihan dan disemak oleh guru mengikut jadual yang telah ditetapkan/ serah segera kepada murid selepas disemak.
6. Guru hendaklah mengarahkan murid membuat pembetulan kepada kesalahan yang dilakukan dan hendaklah disemak semula oleh guru.
7. Murid yang gagal membuat latihan merupakan satu perkara yang serius dan panitia mestilah menangani perkara ini secara berhemah dengan mengenal pasti masalah yang menyebabkan perkara tersebut berlaku.
8. Guru hendaklah mencatatkan tandatangan, tarikh, markah / gred / kata-kata perangsang / nasihat atau komen.
9. Murid yang melaksanakan tugas dengan cemerlang mestilah dihargai dengan apa juga cara yang telah dibincangkan dalam panitia .
10. Khusus bagi Tahun Enam, kerja rumah berfokus hendaklah dilaksanakan iaitu bagi subjek BM Pemahaman dan Penulisan, Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris Pemahaman dan Penulisan sahaja.
11. Ketua panitia hendaklah mencerap buku latihan dan buku kerja murid sekurang-kurangnya tiga kali dalam setahun(Mac, Jun dan September).

## PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

1. Pihak sekolah bertanggungjawab menyediakan semua murid bagi peperiksaan yang ditetapkan di bawah Akta Pendidikan 1996
2. Sistem Peperiksaan Kebangsaan hendaklah dilaksanakan berlandaskan pekeliling dan peraturan semasa seperti pentaksiran berpusat, pentaksiran sekolah, PAJSK dan ujian psikometrik.
3. Ujian dan peperiksaan dalaman(4 kali setahun) hendaklah diadakan mengikut jadual dan jangka masa yang ditetapkan.
4. Soalan yang telah siap dibahagikan mengikut kelas-kelas hendaklah dihantar kepada setiausaha peperiksaan dalaman untuk disimpan dan disemak sebelum ujian / peperiksaan dijalankan.
5. Setiausaha peperiksaan dalaman bertanggungjawab mengagihkan kertas soalan tersebut kepada guru pada hari peperiksaan.
6. Bagi peperiksaan setengah tahun dan akhir tahun format soalan dan masa hendaklah selaras dengan format peperiksaan / UPSR sebenar dengan mengambil kira jumlah soalan dan laras soalan.






7. Guru subjek hendaklah memeriksa dan markah hendaklah diisi dalam Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) mengikut tarikh yang ditetapkan.
8. Guru kelas hendaklah mencetak keputusan dan analisis peperiksaan serta memberi cadangan aktiviti dan program yang boleh membantu kecemerlangan murid kelasnya kepada jk kurikulum.
9. Setiausaha peperiksaan dalaman hendak menyediakan analisis keseluruhan keputusan ujian dan peperiksaan untuk dibawa dalam mesyuarat kurikulum bagi membincangkan program penambahbaikan.
10. Jawatankuasa 'Headcount Sekolah' dipertanggungjawabkan untuk menguruskan semua data yang berkaitan dengan peperiksaan dengan mengkaji 'Take Off Value' dan meletakkan 'ETR' bagi peperiksaan awam dan peperiksaan berasaskan sekolah. Termasuk menyemak dan membincangkan maklumat EWS.
11. Sistem pemarkahan dalam pelaksanaan ujian, Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun mestilah mengikut julat **semasa** yang telah diputuskan oleh JK Kurikulum Sekolah dan selaras dengan keputusan PPD, JPN dan KPM.

### PERHIMPUNAN RASMI SEKOLAH

1. Semua guru **diwajibkan** hadir perhimpunan rasmi sekolah.
2. Perhimpunan rasmi sekolah diadakan pada setiap hari Isnin 7.25 pagi hingga 7.55 pagi (sesi pagi) dan 6.10 hingga 6.40 petang (sesi petang) di tempat yang ditetapkan (tertakluk pada perubahan).
3. Tentatif perhimpunan secara umum:
  - 3.1. Loceng dibunyikan dan semua berkumpul ditempat perhimpunan.
  - 3.2. Nyanyian empat buah lagu iaitu dimulai Lagu Negeraku, Lagu Perak, Lagu Sekolah dan Lagu Perak Excellant\*)
  - 3.3. Doa dan Ikrar
  - 3.4. Ucapan guru bertugas
  - 3.5. Ucapan Guru Besar/PK
  - 3.6. Aktiviti atau penyampaian hadiah jika ada
  - 3.7. Bersurai
4. Guru bertugas pada minggu tersebut bertanggungjawab memastikan perhimpunan berjalan mengikut prosedur yang ditetapkan.
5. Guru bertugas minggu lepas hendaklah memberikan laporannya semasa perhimpunan (jika perlu).
6. Perhimpunan rasmi kokurikulum diadakan pada hari Rabu. Semua guru diwajibkan hadir.
7. Semua perhimpunan hendaklah dikendalikan oleh murid. Bagi perhimpunan rasmi kokurikulum, guru dan murid dikehendaki memakai pakaian unit uniform masing-masing.



## CARTA ORGANISASI SEKOLAH





## STAF SK SERI MANJUNG

### SESI PAGI

Bil.	Nama Anggota	Gred / Jawatan		Opsyen
1	HJH NURAINIAH BT NURUDDIN	DG38(KUP)	GURU BESAR CEMERLANG	KEMAHIRAN HIDUP
2	ROSNANI BT ISHAK	DG34(KUP)	PK PENTADBIRAN	PENGAJIAN MELAYU
3	RASHIDA BT ISMAIL	DG34	PK HEM	PENGAJIAN ISLAM
4	MOHD HAIRUL ANUAR BIN HASHIM	DG44(KUP)	PK KOKURIKULUM	PENGAJIAN MELAYU
5	ABD RANI B ALIAS	DG34(KUP)	GURU PJK	PENGAJIAN MELAYU
6	ANISA BT AHMAD FAISAL	DG41	GURU RBT	KEMAHIRAN HIDUP
7	ANISAH BT MOHAMED ISA	DG44(KUP)	GURU PEND. ISLAM	GURU J-QAF
8	ASPALAILY BT ABDULLAH	DG34(KUP)	GURU MATH	PENGAJIAN MELAYU
9	AZNITA BT ABD GHANI		GURU BM	PENGAJIAN MELAYU
10	FARAH DINA BT MUHAYIDIN	DG41	GURU BIMBINGAN	BIMBINGAN KAUNSELING
11	FATIMAH BT SULAIMAN	DG44(KUP)	GURU MATH	MATEMATIK
12	HALIZA BT AZIZ	DG32(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN MELAYU
13	HASLINA BT HASBULLAH	DG41	GURU BIMBINGAN	BIMBINGAN KAUNSELING
14	HASLINDA BT CHAGGAH	DG44(KUP)	GURU PRA SEKOLAH	PENDIDIKAN PRA SEKOLAH
15	HASMAH BT ABD RAHIM	DG34(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN ISLAM
16	HJH AZIYAH BT MOHD AMIN	DG34(KUP)	GURU BI	PENGAJIAN INGGERIS
17	HJH HAMSIAH BT YUSOF	DG34(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN MELAYU
18	HJH MAZNAH BT HAMZAH	DG44(KUP)	GURU BM	PENGAJIAN MELAYU
19	HJH NURSIYAH BT ISMAIL	DG34(KUP)	GURU KELAS	SAINS
20	HJH PARIDAH BT ALI	DG34(KUP)	GURU PEND. ISLAM	PENGAJIAN ISLAM
21	HJH ROBA'AYAH BT GHAZALI	DG34(KUP)	GURU KELAS	SAINS
22	HJH ROSNI BIN WAN KASSIM	DG34(KUP)	GURU KELAS	MATEMATIK
23	HJH ROZIAH BT YAHAYA	DG44(KUP)	GURU BI	PENGAJIAN INGGERIS
24	JAMAATUL AISHAH BT ABU YAZID	DG34(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN ISLAM
25	JULIANA BT ISMAIL	DG32(KUP)	GURU PRA SEKOLAH	PENDIDIKAN PRA SEKOLAH
26	KANNIGA A/P SUBRAMANIAM	DG44(KUP)	GURU BI	PENGAJIAN INGGERIS
27	KASTURI A/P SUPRAMANIAN	DG41	GURU	BAHASA TAMIL
28	LING SIEW YENG	DG34(KUP)	GURU BI	PENGAJIAN INGGERIS
29	MOHD AZHAR B MOHAMAD MUSTAG	DG41	GURU MATH	MUZIK
30	MOHD EDDY BIN IDRIS	DG44(KUP)	GURU RBT	KEMAHIRAN HIDUP
31	MOHD FIRDAUS B MAT ARSHAD	DG32(KUP)	GURU MATH	MATEMATIK
32	MOHD RAZALI B AHMAD	DG34(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN MELAYU
33	MOHD ZAIRUL HAIZAT BIN SABUDIN	DG41	GURU BAHASA ARAB	PENGAJIAN ISLAM
34	MOHD ZAIZUL NAIM B ZAINUL	DG32(KUP)	GURU PJK	PENDIDIKAN JASMANI
35	NAPISAH BT RAMLI MUZAMMIL	DG34(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN MELAYU
36	NARIMAH BT ABDULLAH	DG32(KUP)	GURU PRA SEKOLAH	PENDIDIKAN PRA SEKOLAH
37	NONI RASMINDA BT ABD RASHID	DG44(KUP)	GURU BAHASA ARAB	GURU J-QAF
38	NOR SULINA BT ABU MANSOR		GURU BM/SAINS	PENGAJIAN MELAYU
39	NORAZLINA BT MD NOOR	DG44(KUP)	GURU BI	PENGAJIAN INGGERIS
40	NORFAIZAH BT YAAKOB	DG44(KUP)	GURU PAI	GURU J-QAF



41	NORFIZA BT HASHIM	DG34(KUP)	GURU KELAS	MUZIK
42	NORILA BT JAMAN	DG34(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN ISLAM
43	NORIZAN BT ZAINOL	DG41	GURU SAINS	PENGAJIAN MELAYU
44	NORKHASMAM BT HASAN	DG41	GURU BAHASA ARAB	GURU J-QAF
45	NURULHUDA BT ALI	DG44(KUP)	GURU MATH	MATEMATIK
46	RAFIDAH BT MISUAN	DG32(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN MELAYU
47	ROHANA BT YUSOF	DG32(KUP)	GURU BESTARI	MATEMATIK
48	ROHIYAH BT SAAD	DG34(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN MELAYU
49	ROSLINA BT BASHA	DG42	GURU PRA SEKOLAH	PENDIDIKAN PRA SEKOLAH
50	ROSNIZA BT JANTAN	DG41	GURU KELAS	PENGAJIAN MELAYU
51	SALAWATI BT MOHAMED SHOHOR	DG44(KUP)	GURU DISIPLIN	PENGAJIAN INGGERIS
52	SARAH BT KASIM	DG34(KUP)	GURU PRA SEKOLAH	PENDIDIKAN PRA SEKOLAH
53	SARAH SABARINA BT YUSSUFF	DG41	GURU BI	PENGAJIAN INGGERIS
54	SHAKHLIZANA BT SHUIB	DG44(KUP)	GURU KELAS	GURU J-QAF
55	SHAMSIAH BT SHAMSUDDIN		GURU KELAS	PENGAJIAN ISLAM
56	SITI ROZANA BT MUNANDAN	DG34(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN MELAYU
57	SITI ZALIKOH BT TALIB	DG41	GURU BM	PENGAJIAN MELAYU
58	TG NORHISHAMUDIN BIN RAB.RASHID	DG44(KUP)	GURU PAI	GURU J-QAF
59	TIANG MOI HAI	DG34(KUP)	GURU BI	PENGAJIAN INGGERIS
60	UMI KALSUM BT HJ SHAARI	DG34(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN MELAYU
61	VICTORYA A/P SUNDARARAJ	DG44(KUP)	GURU KELAS	MATEMATIK
62	WAHIDAH BT ABDULLAH HADI	DG34(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN MELAYU
63	YUSMALIZA BT AYOB	DG44(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN INGGERIS
64	ZARIDA BT IBRAHIM	DG32(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN ISLAM
65	ZULYANA BT MUHAMMAD	DG32(KUP)	GURU KELAS	SAINS



## SESI PETANG

Bil.	Nama Anggota	Gred / Jawatan		Opsyen
1	MOHAMAD RASHID BIN ADALAN	DG42(KUP)	PK PETANG	
2	TN HJ ABDL HAMID BIN SENAWI	DG34(KUP)	GURU BIMBINGAN	MUZIK
3	ANIZA BT ABD RANI	DG32(KUP)	GURU BIMBINGAN	PENGAJIAN MELAYU
4	ASFALIZA BT SALLEH	DG32(KUP)	GURU KELAS	SAINS
5	BASHIROH BT ABD MANAH	DG41	GURU PEND. ISLAM	PENGAJIAN ISLAM
6	CIK SUZIRA BT CIK HARON	DG32(KUP)	GURU PEND. ISLAM	PENGAJIAN ISLAM
7	DARMILAH BT AHMAD	DG44(KUP)	GURU PEMULIHAN	MATEMATIK
8	FAUZIAH BT MAT DISA	DG32(KUP)	GURU KELAS	PENGAJIAN MELAYU
9	FIRDAWATI BT DERAHMAN	DG41	GURU PEND. ISLAM	PENGAJIAN ISLAM
10	HJH HABIBAH BT MD SHAH	DG34(KUP)	GURU BI	PENGAJIAN INGGERIS
11	HO SWEE JADE	DG34(KUP)	GURU BI	MUZIK
12	LING SIEW YENG	DG34(KUP)	GURU BI	PENGAJIAN INGGERIS
13	MUNALIZATUL BT DAUD	DG34(KUP)	GURU BM	PENGAJIAN MELAYU
